

PENDITA ZA`BA: PEMIKIRANNYA MENGENAI ISLAM DAN MELAYU

Oleh:

Prof Madya Dr Wan Zailan Kamaruddin Wan Ali
Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam,
Akademi Pengajian Islam,
Universiti Malaya.

Pendita Za`ba atau Zainal Abidin bin Ahmad merupakan salah seorang daripada tokoh pemikir Muslim Melayu yang muncul pada akhir abad ke-13/19 dan awal abad ke-14/20. Kelahirannya memberikan sumbangan yang sangat besar dalam pelbagai aspek pemikiran berkaitan Islam sebagai *al-Din* [*way of life*] dan Melayu sebagai suatu bangsa.

Dari segi latar belakang, Pendita Za`ba (1313/1895 - 1393/1973) merupakan salah seorang cendekiawan Muslim Melayu, dikatakan daripada aliran Kaum Muda yang begitu dikenali dan dikagumi umum sebagai seorang pejuang bangsa, negara dan juga agama. Walaupun beliau tidak disenaraikan sebagai seorang ulama, namun sumbangannya mengenai Islam begitu besar terutama kepada orang Melayu di Tanah Melayu atau Malaysia. Beliau mempunyai latar belakang keagamaan yang kuat kerana dari semenjak kecil lagi diajar mengaji al-Qur'an, soal-soal agama dan dilatih dengan disiplin dan adat sopan orang Melayu. Dengan asuhan kedua-dua orang tuanya, beliau telah menjadi seorang tokoh yang mempunyai keperibadian yang kuat dan tidak mudah terpedaya dengan pengaruh luaran [bukan Islam] terutama Barat.

Beliau mulai bergiat dengan masalah berkaitan Islam di sekitar tahun 1335/1917 dengan menulis artikel-artikel pendek dalam majalah-majalah *Lembaga Melayu*, *Pengasuh* dan *al-Ikhwān*, diikuti *risalah Umbi kemajuan* atau *Falsafah takdir* dan seterusnya *Asohan Budi* pada tahun 1378/1958 yang merupakan koleksi hasil-hasil ceramahnya di Radio Malaya dari tahun 1371/1951 - 1373/1953.

Za`ba merupakan salah seorang tokoh Melayu yang terkenal dalam pemikiran pembaharuan (*Islah @ reformasi*) Islam, terutama menerusi pengaruh gurunya, Syaikh Muhammad Tahir Jalal al-Din al-Falaki yang merupakan salah seorang tokoh ulama yang dikatakan terpengaruh dengan aliran pemikiran golongan reformis Mesir seperti al-Sayyid Jamal al-Din al-Afghani (m.1315/1897), Muhammad `Abduh (m.1323/1905) dan Muhammad Rasyid Rida (m.1354/1935).

Konsep pembaharuan (*islah*) Za`ba dikatakan bertujuan “untuk memperbaiki segala hal-ehwal yang kekurangan, mengubahkan segala sifat keadaan yang buruk dengan yang baik, menggantikan segala hal manusia yang mundur dengan maju mengikut zaman, menggantikan segala jalan fikiran yang kuno dan kolot, segala kepercayaan yang lapuk dengan fikiran baru yang segar yang disaksikan benar melalui al-Qur'an yang bersendikan akal dan ilmu pengetahuan.” Menurutnya lagi, “Kita mahu pemulihan dan pembaharuan, bukan hendak berkokok pada jalan yang telah hanyut daripada tujuan asalnya dan bukannya hendak berdegil hendak menyimpan jalan fikiran lama yang telah membeku menjadi adat atau kepercayaan-kepercayaan lama yang sudah berkulat dan bercendawan.”

Menurut Za'ba, beliau berkecimpung dalam bidang-bidang yang berhubungan dengan Islam bukanlah sebagai seorang ulama tetapi hanya masuk mengganggu di kawasan mereka kerana sehingga kini tiada sesiapa pun di antara mereka yang tampil ke hadapan untuk memberikan perhatian dan berfikir mengenai selok-belok dan perjalanan agama orang Melayu di Malaysia ini.

Tumpuan perbincangan Za'ba kelihatan lebih menjurus kepada persoalan-persoalan yang agak jarang dikupas dalam majlis-majlis pengajian agama, terutamanya persoalan akhlak. Pembahasan dalam masalah-masalah agama yang dibicarakannya memperlihatkan tahap pengetahuan dan pemikiran agama yang tinggi, namun Za'ba lebih suka mengambil sikap merendah diri dan tidak mahu dirinya dikatakan seorang alim daripada kaum ulama. Beliau lebih suka dirinya dikenali sebagai seorang pendidik yang suka berfikir mengenai hal-hal kehidupan yang berhubungan dengan Islam. Beliau memperolehi konsep pembaharuan ini menerusi pembacaan dan pengkajian buku-buku mengenai Islam, sama ada berbahasa Arab, Inggeris dan Melayu. Buku-buku agama yang tertulis dalam bahasa Inggeris boleh dikatakan hampir semuanya ditulis oleh tokoh-tokoh ulama atau pemikir Islam yang berasal dari India, Pakistan dan Iran. Justeru itu, tidaklah menghairankan sekiranya Za'ba cuba mengembalikan Islam kepada bentuk asalnya sebagaimana yang terdapat dalam al-Qur'an dan al-Hadith dan menyelaraskannya dengan zaman kemajuan berdasarkan petunjuk ilmu [sumber wahyu] dan akal.

Za'ba mungkin berbeza dengan pandangan golongan ulama Kaum Muda walaupun beliau mengakui dirinya salah seorang daripada mereka, kerana beliau kelihatan tidak tertarik untuk membicarakan persoalan-persoalan berhubung dengan akidah seperti perbahasan mengenai sifat 20, rukun Iman, rukun Islam, hukum-hukum ibadat seperti sah batal, halal haram, wajib sunnat, makruh mubah, hukum-hukum fiqh meliputi mu`amalat, munakahat dan jinayah, ilmu tasawwuf dengan persoalan-persoalan penyucian batin, tariqat, haqiqat, ma`rifat, wahdat al-wujud walaupun ada aspek-aspek tasawwuf yang diakuinya benar, persoalan-persoalan alam arwah, kubur, hari akhirat, mizan, al-sirat, syurga dan neraka. Beliau cuba mengelakkan diri daripada terbabit dalam perbahasan persoalan-persoalan khilafiyah mazhab yang berkait dengan *usul* dan *furu`*, perselisihan Ahl al-Sunnah dengan Mu`tazilah, persoalan takdir atau *al-qada'* dan *al-qadr* dan lain-lain, kecuali yang dirasakannya perlu. Sumbangan pemikiran Za'ba mengenai Islam dapat dilihat menerusi beberapa buah hasil karyanya seperti berikut:

1. *Umbi kemajuan atau Falsafah takdir dalam Agama Islam* (Sukatan Azali, Pulau Pinang, 1932 @ Falsafah takdir, ed. Hamdan Hassan, D.B.P, Kuala Lumpur, 1982.
2. *Asohan Budi menerusi Islam*, Kuala Lumpur, 1958.
3. *Malay festivals and some aspects of Malay Religious Life*, Singapore, 1949.
4. *Pendapatan perbahasan ulama pada kejadian perbuatan dan perusahaan hamba*, (terj. Zaba), ed. al-Syaikh Muhammad Tahir Jalal al-Din, The Jelutong Press, Penang, 1353/1934.
5. *Perangai Bergantung kepada Diri sendiri*, DBP, Kuala Lumpur, 2009, [cetakan baru.]

Berhubung dengan karya beliau yang akan diperkatakan ini bertajuk “Perangai Bergantung Kepada Diri Sendiri” dan kini berada di pasaran, ia telah diterbitkan dalam bentuk edisi khas cetakan pertama tahun 2009 menerusi tiga bentuk tulisan, Melayu, Inggeris dan Jawi. Difahami bahawa karya ini tidak pernah diterbitkan pada masa hayat beliau ekoran pandangan-pandangannya yang agak berat untuk diterima orang Melayu. Karya ini berada dalam penerbitan selepas 8 tahun pemergian beliau, yang dilakukan oleh pihak Dewan

Bahasa dan Pustaka [DBP], atas kesedaran akan peri pentingnya kepada bangsa Melayu hari ini. Di dalam edisi ini, kata pengantar telah dilakukan oleh Datuk Haji Hassan Ahmad, selaku Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka pada masa tersebut. Agak menarik untuk mengemukakan pandangan beliau yang mengatakan “kelemahan sahsiah adalah punca utama kelemahan sesuatu bangsa,” sebagai kesimpulan terhadap karya Za’ba ini. Tentunya, ia memberikan kesan yang berbekas di hati sanubari orang-orang yang berfikir.

Di bahagian pengenalan pula, karya ini turut mendapat sentuhan oleh Prof. Dr. Asmah Hj. Omar. Beliau memberikan ulasan dan kupasan yang cukup bernas tentang isi kandungan karya Za’ba dengan perhatian khusus kepada sikap dan perangai orang Melayu yang paling dibencinya, iaitu perangai suka bergantung kepada orang lain, yang bukan sahaja dilihat negatif tetapi memberikan ruang kepada kemunculan sikap dan sifat negatif yang lain. Perangai suka bergantung kepada orang lain dikatakan menimbulkan sikap hina diri, malas dan sikap pergantungan bukan sahaja dalam hal-hal keduniaan bahkan keakhiratan juga. Tumpuan seterusnya dihalakan kepada isu taqlid buta sebagai lawan kepada ijtihad sendiri. Beliau menjelaskan perihal kepentingan ilmu, budaya berfikir dan membawa pembaharuan. Selanjutnya, perbincangan difokuskan kepada persoalan kebajikan dan kejahatan dari segi pendefinisian, pemeringkatan, hukum pertentangan yang merujuk kepada baik sebagai lawan kepada buruk atau jahat, dan hukum perubahan keadaan dalam sikap dan sifat seseorang manusia yang mungkin boleh berubah menjadi baik atau jahat. Begitu juga, dalam usaha memahami pengertian baik dan jahat, proses penyempitan makna baik dan jahat boleh berlaku sehingga menyebabkan salah tafsir dan salah faham bagi konsep-konsep tertentu, seperti amal dan ibadat yang dilihat secara sempit. Akhirnya, tumpuan beliau dihadapkan kepada persoalan kejatuhan dan kepulihan umat Islam, dan dalam konteks ini, umat Melayu itu sendiri.

Dengan memperhatikan karya tersebut dan ulasan mengenainya, orang Melayu yang insaf dan sedar akan kedudukan dan kewibawaan bangsanya di mata dunia pasti akan cuba mengorak langkah dan melakukan anjakan paradigme untuk berdiri sebaris dengan bangsa-bangsa lain di bumi ini, dan apatah lagi di persada dunia.

Karya Za’ba yang boleh dinikmati dengan segar di telapak tangan pada akhirnya telah berjaya mencapai matlamatnya untuk berada di pasaran bagi dinikmati oleh semua warga negara, khususnya bangsa Melayu sendiri. Promosi buku ini dilakukan oleh pihak KKUM, DBP dan DAWAMA untuk membolehkan para pencinta, pengikut, peminat dan golongan massa dapat mengenali beliau dan mendapat manfaat yang cukup besar daripada tulisan dan pemikirannya. Sebelum karya ini dapat berada di tempatnya, ia bukanlah tanpa ranjau dan duri. Liku-liku yang perit terpaksa dilaluinya biarpun sunyi daripada pengetahuan umum. Kedudukan sebagai seorang pemikir besar secara lumrahnya, sentiasa berhadapan dengan pelbagai halangan dan rintangan. Sejarah telah memperlihatkan data dan bukti yang menunjukkan bahawa pemikiran Za’ba dalam pelbagai karya besarnya, termasuklah buku “Perangai Bergantung Kepada Diri Sendiri” mendapat tentangan daripada banyak pihak. Ia bukan sahaja kurang disenangi bahkan diambil tindakan yang agak terdesak oleh pihak-pihak tertentu termasuk pihak istana dan bahkan para ulama dari kalangan Kaum Tua atau tradisionalis, yang mengetuai majoriti kaum muslimin terhadapnya.

Seperti dijelaskan, sasaran Za’ba adalah kepada bangsanya sendiri, Melayu dan juga amalan mereka. Katanya: “Orang Melayu meskipun sudah memeluk Islam selama 600 tahun yang lalu, tetapi mereka masih tetap berkelakuan seperti keadaan zaman sebelum mereka menganut agama Islam. Mereka masih percaya kepada perkara-perkara karut dan seolah-olah Islam tidak mampu menghilangkan unsur-unsur kepercayaan masa lampau daripada

orang-orang Melayu Za`ba memang tidak meragui keislaman orang Melayu walaupun mereka tidak mengerti ajarannya dengan betul. Menurutny, orang Melayu percaya kepada Islam berdasarkan kebenaran umum dan bukannya percaya kerana mengetahui hakikat ajaran Islam menurut wahyu Allah (s.w.t) dan Nabi Muhammad (s.`a.w). Tingkat dan tahap pengajaran agama Islam orang Melayu rendah kerana mereka tidak diajar pelajaran agama bersungguh-sungguh sejak kecil kerana mereka hanya diajar al-Qur'an dan sedikit fardhu `ain. Tingkat dan tahap pelajaran agama di kampung-kampung masih • diliputi kepercayaan-kepercayaan bid`ah dan khurafat seperti kubur-kubur keramat, makam-makam wali dan lain-lain.

Keadaan, kedudukan dan masalah orang Melayu yang serba dhaif dan lemah, menurut Za`ba bukanlah terjadi begitu sahaja tanpa alasan dan faktor penyumbangny. Justeru, beliau menyasarkan para ulama Melayu terdiri daripada ahli agama, alim (ulama) dan tuan guru sebagai sasaran utama. Menurutny, mereka sepatutny berperanan mengajarkan ajaran-ajaran akhlak dan falsafahnya kepada orang Melayu dari segi agama dan akal. Za`ba berpendapat seseorang itu dikatakan ulama dengan syarat dia setia dengan jubah dan serban, wara` dalam ibadat, mahir dalam ilmu agama dengan bahasa Arab dan Melayu dan berkelulusan tinggi dalam pelajaran-pelajaran moden. Banyak kritikan dihadapkan kepada golongan ulama dan agamawan Melayu, di antaranya:

1. Dari segi metode, pengajaran agama yang berdasarkan kepada penggerak “umpan” (pahala, syurga) dan penggerak “takut” (dosa, neraka) yang dikatakan berkesan hanya kepada orang awam dan tidak berkesan bagi golongan yang berpendidikan tinggi.
2. Pendapat ulama yang mengatakan akal dan sumber wahyu (yang mengandungi suruhan dan larangan Allah) adalah berlainan dan kedua-duanya tidak boleh bersamaan.
3. Ajaran-ajaran dan seruan ahli-ahli agama yang tidak keluar daripada garisan kitab-kitab agama, kata-kata dan fahaman ulama dahulu walaupun sesetengah pendapat ulama itu kuno dan reput.
4. Ahli-ahli agama dikatakan tidak berani mencungkil pendapat mereka sendiri, dan persoalan agama pula, mereka tidak banyak menjuruskan huraian baik dan buruk kepada akal fikiran.
5. Dalam masalah ekonomi (*al-Iqtisad*), Za`ba mengkritik ulama kerana menggunakan hadith: “sekiranya kamu bertawakkal kepada Allah dengan sebenar-benar tawakkal, tentulah Allah memberikan rezeki kepadamu sebagaimana burung.....” •
6. Ahli-ahli agama yang menggalakkan mengingati Allah dan akhirat serta membuang dunia sama sekali turut dikritik kerana berpandukan hadith: “Dunia adalah bangkai dan pencariny adalah anjing.”
7. Ahli agama yang tidak berpelajaran dan sesetengah ahli tasawwuf yang separuh masak.
8. Ahli-ahli tasawwuf yang dikatakanny berpura-pura membuat zahid, meniru-niru sesetengah ahli sufi.
9. Alim-alim yang menuduh orang-orang yang cuba kembali kepada al-Qur'an dan akal (iaitu orang yang melepaskan diri daripada taqlid) sebagai “sesat dan menyesatkan, memandai-mandai, membawa bid`ah, mengubah jalan daripada yang telah diatur oleh para orang dahulu kala (nenek moyang) ...”
10. Cara, kaedah atau metode berfikir ulama Melayu yang mengatakan ilmu manusia sentiasa semakin kurang daripada orang-orang dahulunya dan tiada yang boleh sampai alimny seperti imam-imam.

11. Para imam besar yang terdahulu juga dikritik kerana keilmuan mereka yang tidak meliputi semua ilmu yang telah dibukakan Allah pada zaman tersebut.
12. Alim ulama yang menulis kitab yang melafazkan perkataan *al-ajra wa al-thawab* sebagai upah penat mengarang kitab, ataupun perkataan “mudah-mudahan diberi Allah pahala akan Fakir dan dijadikannya kitab ini jalan kelepasan bagi Fakir di akhirat.” Ini kerana menurut Za`ba, alim tersebut hanya mengharapkan pertolongan kitab itu kepada dirinya sendiri sahaja dan bukannya tentang manfaat kitab itu kepada orang lain. Perbuatan berbuat kebajikan untuk mendapat balasan atau keselamatan diri adalah dipandang rendah dan hina dalam penilaian darjat akhlak yang tinggi kerana ia bukan khalis berbuat kebajikan kepada Allah.
13. Alim ulama yang berfikiran sempit dalam memberikan tafsiran • mengenai perkara-perkara tertentu. Contoh: amalan jahat hanya • dirujuk kepada perkara yang melanggar hukum syarak menurut pendapat imam-imam mazhab lebih daripada 1000 tahun dahulu manakala amalan jahat yang bercanggah dengan hukum-hukum akhlak, adab kesusilaan umum dan kesopanan sesama manusia tidak salah dan berdosa seperti perbuatan mengeluarkan fatwa agama mengikut kehendak raja-raja dan mencari jalan untuk membolehkan sesuatu yang mereka sukai dan sebagainya. Menurutnya, para alim ulama sendiri tidak nampak kepincangan agama yang menghalang kemajuan dan kejayaan orang Melayu dan kerana itu orang Melayu terus berada dalam keadaan lemah.

Dalam konteks ini, Za`ba turut mengemukakan beberapa kelemahan sehingga menyebabkan perkara-perkara yang tidak sepatutnya berlaku telah pun berlaku, di antaranya adalah akibat salahfaham mengenai kegunaan dunia dan cara menggunakan dunia untuk mendapatkan kejayaan dalam kehidupan akhirat; akibat pengertian dan pemahaman yang salah tentang tujuan dan hikmah hukum-hukum dan had-had yang ditentukan Allah dalam Islam, dan dikatakan alasan terbesar kepada kemunculan fahaman sempit itu adalah kerana kejahilan dan kurang pelajaran. Faktor terbesar inilah menurut Za`ba menyebabkan kecelakaan, kehanyutan dan kemelaratan kaum muslimin, juga Melayu berkurun-kurun lamanya.

Za`ba memetik kata-kata Sayyid Jamal al-Din al-Afghani (m.1315/ 1897) yang membuat perbandingan kejayaan orang-orang kristian dan kelemahan orang-orang Islam untuk menyimpulkan kelemahan umat Islam Melayu iaitu “kerana orang-orang Kristian (Nasrani) telah meninggalkan pengajaran al-Injil sedangkan orang-orang Islam pula meninggalkan al-Qur'an.”

Aspek positif mengenai Za`ba yang perlu diperhatikan dengan adil dan saksama adalah pandangan dan sikapnya bukan sahaja dibentangkan dalam bentuk tulisan bahkan saranan untuk mengatasinya juga. Lazimnya, kebanyakan orang suka mengkritik dalam bentuk menjatuh dan menghina, dan tidak ramai yang bersedia memberikan jalan keluar dan penyelesaian kepada masalah. Za`ba dalam hal ini bersikap praktikal. Beliau bukan sahaja menyatakan sikap tidak bersetuju pada prinsipnya, bahkan diikuti dengan tulisan dan tindakan. Dengan kata-kata lain, beliau menjiwai konsep Iman yang dibahaskan dalam karyanya, “Perangai Bergantung Kepada Diri Sendiri” pada teori dan praktik ataupun ideal dan realitinya secara serentak. Saranan dan cadangan beliau adalah seperti berikut:

- Nabi (s.`a.w) menyuruh kaum muslimin termasuklah orang Melayu berpegang kepada al-Qur'an dan al-Sunnah, bukan kepada kitab-kitab karangan ulama, fahaman atau pemahaman ulama dengan tanpa diperiksa dan dibandingkan kepada asalnya.

- Keputusan-keputusan para imam mujtahidin perlu diperiksa dengan alasan dan hujah sebelum diterima.
- Orang-orang alim perlu pergi terus kepada al-Qur'an dan al-Hadith seperti orang-orang alim terdahulu. Mereka tidak boleh berhenti berusaha menambah, memperdalam dan meluaskan ilmu.
- Kitab-kitab dan tafsiran al-Qur'an dan al-Hadith serta syarahnya hendaklah dijadikan panduan.
- Pendapat-pendapat ulama terdahulu yang benar hendaklah diterima dan yang salah ditolak. Za`ba menganjurkan agar fahaman lain yang lebih sesuai tetapi tidak lari daripada tujuan asalnya dihasilkan.

Secara ringkasnya dapatlah disimpulkan bahawa Za`ba wajar dilihat sebagai tokoh pemikir Muslim Melayu berfikiran rasional, dan walaupun beliau bukanlah dikatakan seseorang yang bertaraf “ulama” kerana mungkin pembahasannya tentang aspek dan isu Islam tidak begitu meluas dan mendalam sebagaimana lazimnya. Dalam konteks ini, apalah erti gelaran yang diberikan sekiranya ia tidak memberikan sebarang kepentingan kepada bangsa, negara dan agamanya.

Pemikiran Za`ba boleh dilihat melawan arus perdana (*main stream*) zaman dan ketika itu. Justeru, dapat dilihat perbezaan yang agak ketara pemikiran beliau berbanding dengan golongan majoriti kaum muslimin terutama para ulama Muslim Melayu tempatan yang beraliran Kaum Tua dalam beberapa persoalan termasuk [falsafah] takdir (*al-qada'* dan *al-qadr*). Oleh itu, keadaan tersebut telah menyebabkan beliau boleh dikatakan tokoh yang tidak popular, tidak disenangi, bahkan sekiranya perlu diperangi.

Za`ba dengan lantang mengkritik amalan-amalan orang Melayu yang lebih menjurus kepada perkara *furu'* (syariah) sedangkan perkara *usul* (akidah) mereka dikaburi kepercayaan khurafat, *bid'ah* (inovasi), tahyul, karut-marut yang bertentangan dengan ajaran-ajaran Islam. Walaupun demikian, Za`ba mencuba sedaya upaya untuk mengelakkan diri daripada menimbulkan kontroversi yang hangat dengan para ulama Melayu tempatan dalam pembicaraan mengenai isu-isu Islam termasuk falsafah takdir. Beliau hanya menghuraikan persoalan tanpa pembahasan aliran-aliran pemikiran, mazhab atau tokoh-tokoh daripada sesuatu aliran mazhab. Za`ba sebagai seorang pejuang bangsa yang gigih dan tegas, boleh dikatakan tokoh Muslim Melayu yang bersifat “*moderate*”. Beliau kelihatan lebih terbuka, positif dan rasional dari segi pemikiran dan tindakan, kesan daripada pengaruh pemikiran Sayyid Jamal al-Din al-Afghani, Muhammad ‘Abduh dan Muhammad Rasyid Rida yang juga dilihat mempunyai ciri-ciri tersebut.